



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL 06/2023

Rujukan : Bil (50) dlm MBI.B1/12/2/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

22 November 2023

Setiausaha Bandaraya,
Semua Pengarah Kanan,
Semua Ketua Jabatan / Unit / Bahagian,
Pembantu Tadbir Kewangan (PT Kew PTJ)
Majlis Bandaraya Ipoh.

PERINGATAN PENGURUSAN SALAH LAKU/ KECUAIAN ANGGOTA DALAM PROSES PEROLEHAN & PEMBAYARAN MAJLIS

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, saya selaku Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab mengawal setiap perbelanjaan bagi maksud yang ditetapkan, ingin menegaskan adalah menjadikan kewajipan pihak tuan/puan untuk **PATUH, TELITI DAN TERTIB** dalam melaksanakan proses perolehan dan pembayaran Majlis.
3. Sehubungan itu, dalam memastikan perkara ini diambil perhatian yang serius di peringkat tuan/puan, selain daripada nasihat atau amaran, Majlis akan mengambil tindakan punitif sebagai langkah seterusnya yang lebih berkesan kepada pegawai atau anggota terlibat yang menyebabkan ketirisan dan kerugian secara sengaja kepada Majlis seperti pertimbangan semula Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) yang telah diberikan kepada anggota berkenaan.
4. Oleh yang demikian, peringatan-peringatan berikut perlu di ambil perhatian dan pemantauan yang serius dalam memastikan perkara-perkara ini tidak berlaku:-

Peringatan Pertama:

PEMBAYARAN TIDAK MENGIKUT PROSEDUR (*IMPROPER PAYMENT*)

Proses perolehan dan pembayaran yang dibuat kepada kontraktor atau pembekal tidak mengikut prosedur kewangan yang betul. Sebagai contoh:

- a. Pegawai telah membuat pengesahan penerimaan pada **Pesanan Pembelian (LO) - Bahagian C** bagi barang, perkhidmatan atau kerja yang telah dipesan daripada kontraktor atau pembekal walaupun perolehan didapati tidak sempurna. Tidak sempurna bermaksud perolehan tidak dibuat langsung, pembekalan hanya diterima sebahagian sahaja atau tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Kesalahan ini sering berlaku ketika hujung tahun kewangan, apabila Jabatan cuba mengelakkan pembayaran menggunakan peruntukan tahun berikutnya seperti mana Arahan Perbendaharaan 58 (AP58).
- b. Pegawai telah membuat pengesahan perbelanjaan pada **Baucer Pembayaran - Bahagian B** bagi barang, perkhidmatan atau kerja yang telah dipesan tanpa mematuhi:
 - **Arahan Perbendaharaan (AP99)**
Iaitu baucar hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap; dan
 - **Arahan Perbendaharaan (AP102)**
 - a) Pegawai yang memperakukan baucar itu adalah bertanggungjawab bahawa:
 - i. perkhidmatan atau bekalan telah diterima dengan sempurnanya;
 - ii. harga yang dikenakan adalah sama ada mengikut kontrak atau skala yang diluluskan atau patut dan munasabah mengikut kadar semasa;
 - iii. kebenaran telah diperoleh sebagaimana yang dinyatakan;
 - iv. pengiraan adalah betul;
 - v. penerima yang dinamakan dalam baucar itu adalah pihak yang berhak menerima bayaran;
 - vi. bayaran itu adalah pertanggungan yang sepatusnya kepada Program, Aktiviti atau Projek atau akaun yang dinyatakan; dan
 - vii. peruntukan mencukupi dan tidak dipertanggungkan bagi maksud lain
 - b) Jika berlaku Kehilangan Wang Awam akibat suatu perakuan yang tidak betul pada sesuatu baucar atau dokumen, **pegawai yang memperakuinya akan dipertanggungjawabkan bagi Kehilangan itu.**

Peringatan kedua:

PEMBEKALAN YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

Keadaan ini melibatkan kecuaian (sambil lewa) pegawai penerima yang tidak membuat semakan dengan teliti semasa pembekalan barang, perkhidmatan atau kerja yang diterima. Atau wujud rundingan sulit antara pegawai dan kontraktor/pembekal berkenaan yang mana keuntungan akan dikongsi dengan pegawai terbabit. Selain daripada cubaan kontraktor atau pembekal yang cuba mendapat untung lebih dengan membekalkan barang atau perkhidmatan dengan berkualiti yang rendah.

Peringatan ketiga:

PEROLEHAN PADA HARGA TIDAK MUNASABAH

Keadaan ini adakala melibatkan sesetengah harga barang atau perkhidmatan yang dinaikkan harga bagi menampung kos-kos lain yang tidak dinyatakan secara telus dalam perolehan pembelian tersebut. Terdapat juga kemungkinan harga barang atau perkhidmatan dinaikkan ini bertujuan untuk menampung kos bayaran rasuah kepada pihak-pihak tertentu.

Peringatan keempat:

PENGGUNAAN ‘ORANG TENGAH’ DALAM URUSAN PEROLEHAN

‘Orang tengah’ boleh terdiri daripada individu, syarikat atau pertubuhan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar mengikut undang-undang yang berkuat kuasa. ‘Orang tengah’ yang sering menimbulkan masalah adalah individu-individu yang menggunakan hubungan rapat dengan mereka yang mempunyai kedudukan untuk faedah diri sendiri. ‘Orang tengah’ ini boleh jadi pegawai, atau kenalan kepada mana-mana ketua jabatan, pegawai yang terlibat perolehan dan sebagainya.

Peringatan kelima:

PEROLEHAN SECARA PECAH KECIL

Amalan ini bermaksud memecahkecilkan perolehan bagi item yang sama kepada beberapa perolehan lain. Taktik pecah kecil digunakan supaya sesuatu perolehan itu boleh dibuat secara pembelian terus, sekaligus mengelak daripada menggunakan kaedah sebut harga atau tender. Amalan pecah kecil menyebabkan perolehan dibuat secara tidak telus; pembekalan atau kerja diberikan kepada kontraktor tertentu sahaja; dan boleh menyebabkan harga perolehan dimanipulasi.

**Peringatan keenam:
CAMPUR TANGAN LEGISLATIF ATAU ‘WAHYU’**

Integriti pegawai yang terlibat perolehan sering kali diuji apabila individu tertentu yang mempunyai kedudukan dan kuasa mengeluarkan arahan-arahan yang jelas bertentangan dengan prosedur kewangan. Contoh arahan adalah untuk memilih syarikat tertentu; memberi kelonggaran kepada syarikat tertentu; dan mempercepatkan proses pembayaran kepada syarikat tertentu. Perkara ini menimbulkan perasan serba salah pegawai terlibat, untuk memilih antara kepentingan jabatan dan mematuhi arahan tersebut. Kebanyakan arahan yang dibuat adalah secara lisan dan jika terdapat sebarang masalah kelak, pegawai perolehan berkenaan yang akan dipertanggungjawabkan.

5. Dengan itu, tuan /puan dikehendaki untuk memastikan semua urusan perolehan dan pembayaran Majlis mematuhi prosedur kewangan yang berkuatkuasa. Tindakan akan diambil tanpa sebarang kompromi untuk membasmi risiko kerugian, kemudaratan dan liabiliti yang terpaksa ditanggung oleh Majlis.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”


“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“IPOH BESTARI SEJAHTERA”

“IPOH BANDAR RAYA TERBERSIH 2023”

“IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO` HAJI RUMAIZ BIN BAHARIN @ MD. DAUD. DPMP.,AMP.,PPT)
Datuk Bandar Ipoh

“PERAK SEJAHTERA 2030”